

29 DEC 2001

Mahathir-Pembangkok

PEMBANGKANG TIDAK MENEGUR, HANYA TAHU TANAM KEBENCIAN

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata golongan pembangkang di Malaysia hanya tahu melempar fitnah dan menanam perasaan benci terhadap pemimpin dan kerajaan.

Perdana Menteri berkata jika tidak ada angkara ciptaan parti lawan, negara akan menjadi aman dan tumpuan boleh diberikan sepenuhnya kepada pembangunan negara dan perimbangan pembangunan antara kaum.

"Kita bukan tidak mahu ada pembangkang. Mereka penting untuk menegur kerajaan apabila kerajaan terlalu yakin dan membuat perkara-perkara yang salah.

"Tetapi pembangkang di Malaysia tidak menegur, hanya melempar fitnah dan menyemai kebencian yang tidak berasas terhadap pemimpin dan parti kerajaan," katanya ketika berucap merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia ke-48 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir berkata cubaan pembangkang untuk mendirikan barisan tiruan sudah dibuat dua kali, dengan yang pertama gagal dan percubaan kedua juga sedang berpecah.

Katanya rakyat melihat bagaimana PAS menipu DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden Umno berkata DAP rugi besar kerana persahabatan dengan PAS menghakis sokongan pengundi Cina kepadanya (DAP) sehingga mengakibatkan jaguh-jaguh DAP yang tidak pernah kalah, telah kalah pada pilihan raya 1999.

"Oleh kerana itu, DAP cuba memisahkan diri daripada PAS tetapi agak terlalu lewat. Percubaan untuk bekerjasama dengan Keadilan sahaja tidak akan dapat membersihkan DAP daripada cemaran PAS," katanya.

Menurutnya, parti-parti lawan perlu membuat pendirian jelas supaya rakyat dapat mengetahui siapa mereka.

Secara sinis, Dr Mahathir berkata: "Saya ucap tahniah kepada Keadilan yang mendakwa ia bukan parti Melayu. Ini tentu menguntungkan Keadilan kerana tidak bertanggungjawab mempertahankan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan yang melindungi hak orang Melayu.

"Umno tidak perlu kepada sokongan oportunistik untuk mempertahankan hak orang Melayu."

Dr Mahathir berkata negara telah mencipta kerjasama antara kaum yang unik, dan sistem berkongsi kuasa antara kaum dan parti, perlu dikekalkan tidak kira apa juga cabaran yang dihadapi.

Katanya setiap parti komponen BN perlu sedar akan hakikat bahawa mereka mesti sanggup mengorbankan kepentingan tertentu masing-masing supaya kepentingan bersama dapat dicapai.

"Janganlah sesiapa mengutamakan diri sendiri sehingga perpaduan parti menjadi retak. Jika kita kalah kita mesti sanggup undur diri secara terhormat. Kecewaan kita adalah tidak sepenting kejayaan parti," katanya.

Perdana Menteri berkata mandat yang panjang yang diberikan kepada Perikatan dan BN hari ini memberi rakyat melihat hasil dasar-dasar yang dilaksanakan dengan pendapatan per kapita kini hampir US\$4,000 berbanding US\$300 pada 1957.

Ucapan Perdana Menteri turut menyentuh soal globalisasi, cubaan mengaitkan Malaysia dengan penyebaran kuman antraks berikutan serangan terhadap Amerika Syarikat 11 Sept lepas, dan dakwaan berlakunya pembaziran wang.

Dr Mahathir berkata hanya orang buta akal sahaja yang masih menuduh kerajaan membazirkan wang kerana sebenarnya negara mempunyai kedudukan kewangan yang kemas.

"Kita mampu menambah perbelanjaan pembangunan, membayar bonus dan menaikkan gaji. Tidak mungkin kita boleh berbuat demikian jika kita boros dan menghabiskan duit rakyat dengan sia-sia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata abad ke-21 ini memperlihatkan lebih banyak ketidakadilan dan kebengisan mereka yang kaya dan kuat, berbanding sebelumnya.

"Tidak ada gunanya kita menjerit `kejam' kerana tidak ada siapa yang akan dengar dan tolong kita. Sejak zaman batu `yang kuat itu betul' dan hari inipun `yang kuat itu masih betul'. Jika kita ingin menyelamatkan diri kita, kitalah yang perlu berusaha," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Presiden PPP Datuk M. Kayveas berkata kekuatan institusi politik hari ini hampir bergantung sepenuhnya kepada kemampuan berdepan dengan isu-isu seperti hak asasi manusia, hubungan demokrasi dengan hak asasi manusia, permainan politik maya menerusi internet dan hubungan politik dengan perkembangan ekonomi negara dan sejagat.

Beliau berkata PPP mahu melihat BN benar-benar menjadi sebuah parti politik tunggal yang mewakili semua golongan bangsa Malaysia.

Selain itu, Kayveas berkata parti itu bercadang mewujudkan Universiti PPP yang menerima kemasukan pelajar bukan berdasarkan kepada syarat kelayakan akademik.

"Kita mahu menyediakan kemudahan pendidikan tinggi kepada mereka yang tidak mempunyai latarbelakang pendidikan yang baik tetapi amat berminat menjadi golongan profesional muda berkemahiran tinggi dalam sesuatu bidang kerjaya," katanya.

-- BERNAMA  
MAM MAM RON